

05/09/2001

Pelajar perlu diberi penerangan kepentingan pengajian

KUALA LUMPUR, Selasa - Pelaksanaan dasar meritokrasi untuk kemasukan ke universiti perlu disertai dengan usaha memberi kefahaman kepada pelajar mengenai kepentingan setiap bidang pengajian yang mereka ikuti.

Ketua Penerangan Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS), Jaafar Rahim, berkata langkah itu perlu sejajar dengan hasrat asal kerajaan melaksanakan dasar meritokrasi bagi kemasukan ke universiti iaitu meningkatkan minat dan kesungguhan belajar di kalangan pelajar Melayu.

Sehubungan itu, katanya, kaedah pengajaran dan pembelajaran yang diamalkan di sekolah perlu dikaji semula supaya berupaya meningkatkan kefahaman pelajar mengenai kepentingan setiap subjek yang mereka pelajari.

"Ketika ini kita tahu tahap persediaan sebenar pelajar. Walaupun tujuan kerajaan itu baik, dasar berkenaan menjadi tidak adil jika pelajar tidak memiliki kesedarannya," katanya kepada Berita Harian.

Beliau berkata demikian ketika mengulas keputusan Majlis Tertinggi Umno supaya kemasukan pelajar ke universiti awam berdasarkan meritokrasi mula dilaksanakan bagi bidang pengajian sastera serta sains dan teknologi.

Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, semalam berkata, dasar yang akan dilaksanakan secara berperingkat itu kemungkinan besar akan turut merangkumi pengajian agama.

Jaafar berkata, GPMS memang mengalu-alukan langkah melaksanakan dasar meritokrasi itu secara berperingkat dalam usaha mempersiapkan pelajar Melayu supaya lebih tekun belajar.

Malah, katanya, tindakan yang pada zahirnya nampak bersifat negatif itu sebenarnya pendekatan yang praktikal bagi membangkitkan kesedaran di kalangan pelajar Melayu.

"Dr Mahathir mempunyai cara sendiri menangani masalah yang timbul dalam negara. Nampaknya dalam kes ini beliau menggunakan pendekatan dengan nada negatif bagi meningkatkan motivasi," katanya.

Sementara itu, Timbalan Dekan Fakulti Sains dan Teknologi Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Dr Mohd Yusof Othman, yakin dasar itu tidak akan menghalang kemasukan pelajar Melayu ke universiti awam.

Malah beliau berkeyakinan ia akan meningkatkan lagi kesedaran serta daya saing pelajar Melayu untuk berbuat demikian.

"Sebenarnya memang selama ini pun kemasukan ke universiti sudah mengamalkan meritokrasi kerana hanya pelajar yang benar-benar cemerlang saja dapat memasuki kursus seperti perubatan, kejuruteraan, farmasi, pergigian, perundangan dan perakaunan.

"Tambahan pula persaingan untuk mengikuti pengajian dalam bidang berkenaan memang sengit kerana bilangan calon yang memohon adalah ramai," katanya.

Pada masa sama, beliau menyarankan supaya sistem persekolahan dikaji semula supaya pelajar bukan saja dipersiapkan untuk mencapai kecemerlangan akademik tetapi juga aspek pengurusan diri dan pembangunan sahsiah.

Katanya, perkara pengurusan masa perlu diajar dan dididik di kalangan pelajar sejak pada peringkat persekolahan lagi supaya mereka boleh menyesuaikan dengan kehidupan di universiti.

"Inilah masalah yang sering dihadapi pelajar Melayu ketika berada di universiti. Masalah ini bukan saja dihadapi pelajar dari luar bandar tetapi juga keluaran sekolah berasrama penuh sekalipun mereka mendapat keputusan cemerlang dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)," katanya.

( END )